

## Berhubung tanpa had

Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my



GOKHAN Ogut (kanan) bersama Loh Keh Jiat ketika sidang media di Majlis Pelancaran Kempen Maxis Rangkaian Kita, Rangkaian Malaysia. FOTO Eizairi Shamsudin  
Kuala Lumpur: Bagi mengukuhkan jenama Terus Menerajui yang dilancarkan pada 2020, Maxis Berhad (Maxis) memperkenalkan Rangkaian Kita Rangkaian Malaysia (RKRM) dalam membantu pelbagai lapisan masyarakat negara ini terus berhubung dalam rangkaian menyeluruh tanpa had.

Ketua Pegawai Eksekutif Maxis, Gokhan Ogut berkata, menerusi kempen RKRM pihaknya meneruskan komitmen dalam memperkasa rakyat dan perniagaan Malaysia berhubung menerusi pelbagai cara, setiap masa dan dalam pelbagai komuniti.

Katanya, kempen berkenaan dipacu evolusi Maxis daripada penyedia telekomunikasi mudah alih kepada pakar kesalinghubungan dan penyelesaian digital yang menawarkan pelbagai penyelesaian untuk setiap segmen, dikuasi rangkaian 4G terkemuka, liputan fiber serta inovasi 5G terbaik.

"Maxis jenama tempatan yang dikenali selama lebih dari dua dekad.

"Pelaburan dan kerjasama berterusan kami menghasilkan rangkaian komuniti kukuh dan rangkaian tertumpu paling meluas di negara ini.

"Semangat RKRM bagi meraikan kepelbagaian dan Maxis terus berkhidmat kepada orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat berdasarkan setiap keperluan unik mereka. Apabila semua rakyat Malaysia disambungkan dalam semua aspek, maka inovasi digital tercipta dan kami mahu meningkatkan peranan kami dalam memperkasakan inovasi ini," katanya pada Majlis Pelancaran jenama baharu, Kempen RKRM di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Pemasaran Maxis, Loh Keh Jiat.

Katanya, Kempen RKRM berasaskan tiga bidang teras membabitkan kesalinghubungan pada bila-bila masa di mana-mana jua, keupayaan dan penyelesaian digital meluas serta terus berhubung dengan bantuan pakar selama 24 jam.

Dalam pada itu, Loh berkata, Maxis terus menjadi penyedia salinghubungan dan penyelesaian tertumpu yang dipercayai tepat masanya ketika negara menerima realiti digital.

"Kesalinghubungan tertumpu bukan lagi senang dimiliki, tetapi kini menjadi satu keperluan dan pembekal dijangka menawarkan lebih daripada sekadar sambungan mudah alih atau tetap supaya rutin masyarakat seperti kerja, pengajian dan kehidupan tidak terganggu," katanya.

Untuk rekod, rangkaian Maxis menghubungkan rakyat Malaysia dalam aspek pembelajaran digital selepas sekolah, keusahawanan wanita, usaha kemanusiaan, generasi baharu, pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), bakat kepimpinan dan inovasi.

**Disiarkan pada: Februari 10, 2022 @ 8:54am**